



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

**31 JANUARI – 2 FEBRUARI 2024
(RABU-JUMAAT)**

JPV Pulau Pinang Terima Aduan Kucing, Anjing Terbiar Diberikan Racun

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Nasional	Online	31 Jan



Pengarah JPV Pulau Pinang, Dr Saira Banu Mohamed Rejab

BUKIT MERTA JAM, 31 Januari- Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang menerima 265 aduan berkaitan penganiayaan haiwan di negeri itu sepanjang tahun lalu.

Pengarah JPV negeri, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata bahawa pihaknya ada menerima laporan kes membabitkan kucing dan anjing terbiar yang diberikan racun.

"Bentuk penganiayaan lain yang dilakukan adalah haiwan itu dikurung atau dipelihara dalam kandang atau sangkar

yang kecil (sempit). Ada juga haiwan diikat di tengah panas iaitu bukan berada di tempat yang ada perlindungan sewajarnya serta tidak diberikan makanan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media ketika membentangkan Laporan Pencapaian Penguatkuasaan di Bawah Perundangan JPV Pulau Pinang bagi tahun 2023 di Pejabat JPV negeri di Bukit Tengah, di sini, hari ini.

Ujarnya, sebanyak lima kertas siasatan berhubung

penganiayaan haiwan dibuka tahun lalu manakala kes selebihnya masih dalam siasatan.

"Kesemua kes itu disiasat mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 iaitu menyebabkan kesakitan dan penderitaan yang tidak sepatutnya terhadap mana-mana haiwan.

"Dalam seksyen ini, mereka yang bersalah boleh didenda antara RM20,000 hingga RM100,000 atau dipenjara selama tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Saira memberitahu kesemua 20 penternak khinzir di Pulau Pinang yang mengalami kerugian selepas ternakan mereka dijangkiti virus Demam Babi Afrika (ASF) tahun lepas, sudah pun menerima bayaran pampasan melibatkan lebih RM6 juta.

Sebanyak 27,344 ekor khinzir terpaksa dilupuskan JPV negeri sepanjang tempoh 3 Januari hingga 15 Mac tahun lalu ekoran ASF.-[BERITARTM](#)

'Ada Kucing, Anjing Terbiar Diracun'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Wilayah	Online	31 Jan



Foto hiasan

BUKIT MERTA JAM: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang mendedahkan ada menerima laporan kes penganiayaan haiwan membabitkan beberapa kucing dan anjing terbiar diracun.

Pengarah JPV negeri, Dr Saira Banu Mohamed Rejab, berkata pihaknya menerima 265 aduan berkaitan isu penganiayaan haiwan daripada orang awam sepanjang tahun lalu.

Daripada keseluruhan aduan diterima, katanya, anjing dan kucing paling banyak dianiaya.

"Berdasarkan laporan, antara penganiayaan dilakukan adalah haiwan dikurung atau dipelihara dalam kandang atau sangkar yang sangat kecil (sempit)

"Ada juga haiwan diikat di tengah panas iaitu bukan berada di tempat yang ada perlindungan sewajarnya dan tidak diberikan makanan.

"Ada juga haiwan dcederakan terutama kucing dan anjing terbiar apabila haiwan ini diracun," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media ketika membentangkan Laporan Pencapaian Penguatkuasaan di Bawah Perundangan JPV Pulau Pinang bagi 2023 di Pejabat JPV negeri di Bukit Tengah di sini, hari ini.


Katanya, lima kertas siasatan berhubung penganiayaan haiwan dibuka tahun lalu manakala kes selebihnya masih dalam siasatan.

"Semua kes disiasat mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 iaitu menyebabkan kesakitan dan penderitaan yang tidak sepatutnya terhadap mana-mana haiwan.

"Mereka yang bersalah boleh didenda antara RM20,000 hingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya," katanya.-[BHONLINE](#)

'Ada Anjing, Kucing Terbiar Diberi Racun' - JPV Pulau Pinang

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	31 Jan



Gambar hiasan

Bukit Mertajam: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang mendedahkan bahawa ada laporan kes penganiayaan haiwan membabitkan kucing dan anjing terbiar yang diberikan racun.

Pengarah JPV negeri Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata sepanjang tahun lalu pihaknya menerima 265 aduan berkaitan isu penganiayaan haiwan daripada orang awam.

Katanya, daripada keseluruhan aduan yang diterima spesis anjing dan kucing adalah

haiwan yang paling banyak dianiaya.

"Antara bentuk penganiayaan yang dilakukan adalah haiwan itu dikurung atau dipelihara dalam kandang atau sangkar yang kecil (sempit)

"Ada juga haiwan diikat di tengah panas iaitu bukan berada di tempat yang ada perlindungan sewajarnya serta tidak diberikan makanan.

"Terdapat juga haiwan yang dicerederakan terutamanya

kucing dan anjing terbiar apabila haiwan ini diberikan racun," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media ketika membentangkan Laporan Pencapaian Penguatkuasaan di Bawah Perundangan JPV Pulau Pinang bagi tahun 2023 di Pejabat JPV negeri di Bukit Tengah, di sini, hari ini.

Jelasnya, sebanyak lima kertas siasatan berhubung penganiayaan haiwan dibuka tahun lalu manakala kes selebihnya masih dalam siasatan.

"Kesemua kes itu disiasat mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 iaitu menyebabkan kesakitan dan penderitaan yang tidak sepatutnya terhadap mana-mana haiwan.

"Dalam seksyen ini, mereka yang bersalah boleh didenda antara RM20,000 hingga RM100,000 atau dipenjara selama tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.-

[MYMETRO](#)

Kes Aniaya Anjing, Kucing Catat Paling Tinggi Tahun Lalu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	Online	31 Jan



Dr. Saira (tengah) ketika sidang akhbar di pejabat JPV negeri, Jalan Bukit Tengah, petang tadi.

SEBERANG PERAI – Sebanyak 265 aduan mengenai isu penganiayaan dan kebajikan haiwan diterima Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang sepanjang tahun lalu dengan lima kertas siasatan dibuka.

Pengarahnya, Dr. Saira Banu Mohamed Rejab berkata, kesemua kes disiasat di bawah seksyen 29(1)(e) iaitu menyebabkan kesakitan dan penderitaan yang tidak sepatutnya terhadap mana-mana haiwan.

Menurutnya, sabit kesalahan di bawah Akta Kebajikan Haiwan

2015, mereka yang bersalah boleh didenda antara RM20,000 hingga RM100,000 atau dipenjara selama tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

“Untuk pengetahuan, daripada keseluruhan aduan yang kita terima, spesies anjing dan kucing adalah haiwan yang paling banyak dianiaya dan antara bentuk penganiayaan yang kita terima berdasarkan laporan adalah dikurung atau dipelihara dalam kandang atau sangkar yang sangat kecil.

“Ada juga haiwan yang diikat di tengah panas iaitu bukan di tempat yang ada perlindungan. Selain itu, ada haiwan yang tidak diberi makanan yang secukupnya serta kes-kes seperti mencederakan haiwan.

“Terdapat juga kes haiwan-haiwan ini diracun terutamanya melibatkan anjing-anjing atau kucing-kucing yang terbiar,” katanya kepada pemberita semasa Majlis Pembentangan Laporan Penguatkuasaan di Bawah Perundangan JPV Pulau Pinang bagi tahun 2023 di ibu pejabat JPV negeri di Jalan Bukit Tengah, Bukit Mertajam di sini, petang tadi.

Dalam pada itu katanya, sepanjang tahun lalu juga, sebanyak tujuh kes iaitu melibatkan aktiviti memindah atau menyebabkan dipindah mana-mana haiwan dalam negeri ini tanpa kebenaran daripada Pengarah JPV Pulau Pinang di bawah Seksyen 36 Akta Binatang 1953.

Daripada jumlah itu katanya, kes melibatkan ternakan lembu dan kerbau adalah sebanyak 23 ekor dengan jumlah denda serta lucuk hak yang dikenakan masing-masing adalah sebanyak RM12,500 dan RM22,300.

Jelasnya, kes lain melibatkan 287 ekor babi dengan jumlah keseluruhan denda serta lucut hak melibatkan ketiga-tiga haiwan itu masing-masing adalah sebanyak RM26,000 dan RM100,600.

“Di bawah Enakmen Penternakan Babi yang dikuatkuasakan mulai 2021 pula, sebanyak 34 kes dikesan di kesemua lima daerah di negeri ini dengan jumlah kompaun terkumpul adalah sebanyak RM270,000,” katanya.

Dr. Saira berkata lagi, antara kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen Penternakan Babi 2020 itu adalah menjalankan penternakan babi tanpa suatu lesen yang sah, gagal mematuhi syarat dan sekatan yang dikenakan ke atas lesen seperti longkang tidak sempurna, tiada biosekuriti dan sebagainya. - [KOSMO! ONLINE](#)

Penternak Babi Pulau Pinang Rugi RM30 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Online	31 Jan



Seramai 20 penternak babi di Pulau Pinang mendakwa kerugian hampir RM30 juta apabila ternakan mereka terpaksa dilupuskan selepas dijangkiti virus Demam Babi Afrika (ASF), tahun lalu. - NSTP/FOTO HIASAN

BUKIT MERTAJAM: Seramai 20 penternak babi di Pulau Pinang mendakwa kerugian hampir RM30 juta keseluruhan apabila ternakan mereka terpaksa dilupuskan selepas dijangkiti virus Demam Babi Afrika (ASF), tahun lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri, Dr Saira Banu Mohamed Rejab, berkata kesemua penternak terbabit sudah menerima bayaran pampasan, sekali gus meringankan beban mereka.

Katanya, JPV negeri perlu membuat pelupusan selain meningkatkan penguatkuasaan bagi memastikan ASF tidak merebak ke ladang lain.

"ASF mula dikesan pada 3 Januari 2023 dan kes terakhir yang direkodkan adalah pada 15 Mac tahun lalu. Sepanjang tempoh itu, 27,344 babi dianggarkan bernilai lebih RM29 juta dilupuskan.

"Semua ternakan itu membabitkan 20 penternak di daerah Seberang Perai

Selatan dan Seberang Perai Tengah yang sudah menerima bayaran pampasan sekitar RM6.026 juta bagi membantu meringankan beban mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media berhubung Laporan Pencapaian Penguatkuasaan di Bawah Perundangan JPV Pulau Pinang bagi 2023 di Pejabat JPV negeri di Bukit Tengah, di sini hari ini.

Saira Banu berkata, ASF di Pulau Pinang tidak berlarutan terlalu lama berikutan kesedaran penternak dan penguatkuasaan JPV dalam membendung virus itu daripada merebak.

"Ketika ASF melanda, penternak mula mengetatkan biosekuriti ladang mereka dan pada masa sama, JPV pula melakukan penguatkuasaan dengan membuat kawalan pemindahan babi ke rumah sembelihan hanya untuk yang ada permit.

"Bagi mereka yang didapati melakukan pemindahan tanpa kebenaran, tindakan rampasan diambil termasuk melucut hak di bawah bahagian perundangan," katanya.

Jelasnya, selepas ASF

berakhir, tiada lagi kes dicatatkan sehingga hari ini, namun JPV sentiasa melakukan pemantauan kerana bimbang ia berulang, terutama menjelang musim perayaan Tahun Baharu Cina.

Dalam pada itu, Saira Banu berkata, tahun lalu, sebanyak tujuh kes pemindahan tanpa kebenaran dicatatkan, membabitkan 23 lembu dan kerbau serta 287 babi dengan penternak yang bersalah didenda RM26,000, manakala nilai dilucuthak RM100,600.

Tegasnya, sepanjang tahun lalu juga, sebanyak 34 kes dengan nilai kompaun berjumlah RM270,000 dikeluarkan terhadap penternak yang melanggar Enakmen Penternakan Babi 2020.

"Enakmen Penternakan Babi 2020 mula dikuatkuasakan pada 2021 dalam memastikan semua penternak menaiktaraf sistem kandang terbuka kepada tertutup," katanya.-[BHONLINE](#)

Penternak Babi Pulau Pinang Rugi RM30 Juta Akibat ASF

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	31 Jan



Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang, Dr Saira Banu Mohamed Rejab ketika sidang media di Ibu Pejabat JPV Pulau Pinang, Jalan Bukit Tengah. FOTO DANIAL SAAD

Bukit Mertajam: Seramai 20 penternak babi di Pulau Pinang mengalami kerugian hampir RM30 juta apabila ternakan mereka terpaksa dilupuskan susulan dijangkiti Demam Babi Africa (ASF), tahun lalu.

-ADVERTISEMENT-

Ads by

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri Dr Saira Banu Mohamed Rejab, berkata kesemua penternak yang terbabit sudah menerima bayaran pampasan sekali gus meringankan beban

mereka.

Katanya, JPV negeri perlu membuat pelupusan bagi memastikan ASF tidak merebak ke ladang lain, termasuk meningkatkan tindakan penguatkuasaan.

"Untuk pengetahuan, ASF mula dikesan pada 3 Januari dan kes terakhir yang direkodkan adalah pada 15 Mac tahun lalu.

"Sepanjang tempoh itu, sebanyak 27,344 ekor babi dilupuskan dengan nilai

lebih RM29 juta membabitkan 20 penternak di daerah Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Tengah.

"Kesemua penternak sudah menerima bayaran pampasan sekitar RM6.026 juta yang diluluskan bagi membantu meringankan beban mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media berhubung Laporan Pencapaian Penguatkuasaan di Bawah Perundangan JPV Pulau Pinang bagi tahun 2023 di Pejabat JPV negeri di Bukit Tengah, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Saira Banu berkata, ASF di Pulau Pinang tidak berlarutan terlalu lama berikutan kesedaran penternak dan penguatkuasaan JPV dalam membendung virus itu daripada merebak.

"Ketika ASF melanda penternak mula mengetatkan biosekuriti ladang mereka dan pada masa sama pihak JPV pula melakukan penguatkuasaan dengan membuat kawalan pemindahan babi ke rumah sembelihan hanya untuk mereka yang ada permit.

"Bagi mereka yang didapati melakukan pemindahan tanpa kebenaran, tindakan rampasan diambil termasuk

melucut hak dibawah bahagian perundangan," katanya.

Jelasnya, selepas ASF berakhir tiada lagi kes dicatatkan sehingga hari ini namun pihaknya sentiasa melakukan pemantauan berikutan bimbang sekiranya ia berlaku lagi, terutamanya menjelang musim perayaan Tahun Baharu Cina.

Dalam pada itu, Saira Banu berkata, tahun lalu sebanyak tujuh kes pemindahan tanpa kebenaran dicatatkan membabitkan 23 ekor lembu dan kerbau serta 287 ekor babi dengan penternak yang bersalah didenda RM26,000 manakala nilai yang dilucuthak adalah RM100,600.

Tegasnya sepanjang tahun lalu juga sebanyak 34 kes dengan nilai kompaun berjumlah RM270,000 dikeluarkan terhadap penternak yang melanggar Enakmen Penternakan Babi 2020.

"Enakmen Penternakan Babi 2020 mula dikuatkuasakan pada 2021 dalam memastikan semua penternak menaiktaraf sistem kandang terbuka kepada tertutup," katanya.-[MYMETRO](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR